

Adakah Simpanan KWSP Mencukupi Untuk Persaraan?



di dalam
RINGGIT
bulan ini

- Kaedah Menangani Kejayaan Dan Kegagalan Ketika Melabur
- Soal Lazim Berhubung Skim Kewangan Haram Menggunakan Emas
- Pengeluaran KWSP Untuk Membina Rumah
- Pengenalan Perbankan Ejen

ISSN 2180-3684



GABUNGAN
PERSATUAN-PERSATUAN
PENGGUNA MALAYSIA



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat

Datuk Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang

Dato' Paul Selva Raj

Editor

Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang

Siti Rahayu bt Zakaria
Yu Kin Len

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia

No. 1D-1, Bangunan SKPPK
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh: Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)

No. 1D-1, Bangunan SKPPK
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crcc.org.my
Sesawang: www.crcc.org.my

Dicetak oleh:

فرچیتیکن اساس جاي (مليسيا) سنديرين برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd

No. 5B Tingkat 2
Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Adakah Simpanan KWSP Mencukupi Untuk Persaraan?

Simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan tabungan dengan elemen pelaburan untuk persaraan. Caruman ini telah ditetapkan oleh undang-undang dan perlu dibuat pada setiap bulan oleh majikan. Setiap bulan 11% daripada pendapatan bulanan anda perlu dicarumkan ke dalam akaun KWSP anda.

Persoalannya, adakah simpanan KWSP anda mencukupi untuk menampung keperluan anda ketika persaraan kelak? Berpandukan kepada jadual perbelanjaan asas, diterangkan cara bagaimana untuk membolehkan anda merancang persaraan dengan menggunakan kalkulator pengiraan persaraan. Anda boleh merujuk laman sesawang www.fomca.org.my/ kewangan untuk keterangan lanjut.

Berdasarkan jadual pengiraan persaraan ilustrasi di sebelah, anda perlu

mencapai matlamat simpanan persaraan anda sebanyak RM1,173,280 sebelum mencapai umur persaraan. Ini bermakna, anda hanya mempunyai 25 tahun untuk membuat persediaan persaraan.

Dengan mengambil kira kadar inflasi sebanyak 3.6% (anggaran) pada masa sekarang, anda memerlukan komitmen sebanyak RM2,025 sebulan dan RM24,300 setahun. Dalam tempoh 25 tahun dan kadar inflasi yang meningkat, anda memerlukan komitmen sebanyak RM4,888 sebulan dan RM58,664 setahun.

Adakah simpanan anda mencukupi untuk menampung baki usia anda sehingga berumur 75 tahun lagi? Jangka hayat rakyat Malaysia bagi lelaki dijangkakan berumur 75 tahun dan 78 tahun bagi wanita.

Perbelanjaan Asas

(tidak termasuk pembayaran pinjaman kerana semua pembayaran pinjaman mesti dilangsaikan sebelum anda bersara)

Perincian diri anda Umur semasa? 30 Umur Bersara? 55 Lelaki / Perempuan?	Nilai Semasa	Umur 30 tahun	Kadar Inflasi 3.6%	Nilai pada masa akan datang	Umur 55 ketika bersara (25 tahun)	Jumlah Kos sehingga berumur 75 tahun (20 tahun)
		<i>Kos Tahunan (RM)</i>			<i>Kos Tahunan (RM)</i>	
Kos makanan harian	20	7,300	3.6	48	17,520	350,400
Kos Bayaran Bulanan Utiliti Bil elektrik, air, telefon, penyelenggaraan rumah dll	300	3,600	3.6	726	8,712	174,240
Kos Perubatan Bulanan Andaikan sekiranya tidak mempunyai penyakit kritikal	100	1,200	3.6	242	2,904	58,080
Perbelanjaan Bulanan Petrol, Penyelenggaraan kereta, Cukai, Insurans, wang saku dll.	600	7,200	3.6	1,452	17,424	348,480
Kos Gaya Hidup Tahunan Melancong, bermain Golf, hobi dan kecemasan	5,000	5,000	3.6	12,104	12,104	242,080
JUMLAH (RM)		24,300			58,664	1,173,280
	RM2,025 setiap bulan			RM4,888 setiap bulan		

www.einsuran.com

Nota: Jadual pengiraan di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Keperluan anda mungkin berbeza daripada jadual di atas. Anda dicadangkan untuk berhubung dengan Perunding Kewangan anda sebelum membuat keputusan dalam kewangan.

Mengapa pentingnya membuat simpanan dari awal?

Berdasarkan jadual di bawah, anda perlu membuat simpanan pada awal usia 20 tahun.

Permulaan umur (RM)	Matlamat persaraan (RM)	Simpanan setahun (RM)	Simpanan sebulan
20	981,320	8,806	733
25	981,320	12,412	1,034
30	981,320	17,886	1,490
35	981,320	26,676	2,223
40	981,320	42,160	3,513
45	981,320	74,450	6,204
50	981,320	174,082	14,506
55	981,320	981,319	81,776

www.einsuran.com

Simpanan bulanan ini dapat dikurangkan jika anda menyimpan pada usia yang lebih muda, berbanding sekiranya anda mula membuat simpanan pada usia 30 tahun, yang memerlukan anda menyimpan lebih banyak untuk mencapai matlamat persaraan yang sama. Masa adalah nilai untuk wang.

Bagi mendisiplinkan diri dengan membuat simpanan, anda perlu memastikan untuk sentiasa membuat simpanan sekurang-kurangnya 10% daripada pendapatan bulanan anda. Ingat! semua orang memerlukan jumlah wang yang besar untuk bersara dengan selesa.

Terdapat dua elemen utama yang memberi kesan terhadap dana persaraan anda, iaitu Kadar Faedah dan Kadar Inflasi. Kedua-dua elemen ini tidak dapat dikawal oleh anda. Oleh itu, sentiasa pastikan anda mempunyai simpanan bulanan secara tetap sebagai persediaan persaraan anda.



Kaedah Menangani Kejayaan Dan Kegagalan Ketika Melabur

Bagi pelabur yang berpengalaman, untung rugi serta naik jatuh sesuatu pelaburan adalah suatu lumrah. Walau bagaimanapun, setiap individu pasti akan memberi reaksi berbeza apabila berhadapan dengan keuntungan atau kerugian. Ada pelabur yang tidak mahu melabur lagi setelah mengalami kegagalan, namun ada juga yang terus melabur dan menyifatkan kejayaan dan kegagalan pelaburan sebagai satu proses pembelajaran yang berterusan. Apa yang penting ialah anda perlu memantapkan tahap emosi supaya lebih bersedia menghadapi jatuh bangun pasaran saham. Pada akhir artikel ini, anda sebagai pelabur akan dapat mengenal pasti:

- perbezaan utama antara pelabur berjaya dan tidak berjaya;
- kaedah untuk mengubah kegagalan kepada kejayaan dalam pelaburan; dan
- bagaimana untuk membina semula dan mengekalkan kejayaan dalam pelaburan

Menangani Kegagalan

Umum mengetahui, anda tidak akan sentiasa untung dalam pasaran saham. Sebagai contoh, ada masanya

nilai pelaburan anda menurun apabila keadaan pasaran merudum kesan daripada kemelesetan ekonomi. Anda mungkin juga melakukan sedikit kesilapan dan terpaksa membelanjakan wang yang banyak dalam proses tersebut. Sebagai seorang pelabur, anda perlu belajar mengenal pasti perbezaan antara kerugian sementara yang disebabkan oleh kitaran menurun pasaran, dengan kerugian akibat daripada kesilapan yang dilakukan dalam pelaburan. Sekiranya ia berpunca daripada kitaran pasaran, anda tidak perlu membuat apa-apa tindakan jika asas-asas pasaran masih kukuh dan penurunan tidak drastik. Walau bagaimanapun, sekiranya kerugian itu berpunca daripada kesilapan diri sendiri, anda perlu belajar menerima kenyataan dan bangun semula. Namun demikian, ramai pelabur cenderung menjadi takut dan menyesal apabila menghadapi kegagalan. Sekiranya terus dibelenggu oleh emosi negatif ini, anda mungkin akan diselubungi ketakutan untuk mengalami kerugian sekali lagi, dan melupakan strategi asal pelaburan anda. Ada juga yang panik, sehingga mendorong mereka membuat keputusan yang bakal dikesali kelak.

Tambahan pula, tidak semua orang yang mampu untuk mengelak daripada mengalami kesan emosi akibat daripada kegagalan. Walau bagaimanapun, perbezaan

utama antara pelabur berjaya dengan pelabur yang lain ialah, mereka mampu mengenal pasti dan mengakui kesilapan yang telah dilakukan. Anda akan mempunyai fikiran yang lebih tenang untuk memikirkan langkah seterusnya sekiranya mampu melakukan perkara yang sama, iaitu mengurangkan kerugian. Tindakan perlu diambil untuk mengurangkan kerugian, iaitu dengan memastikan keseluruhan kerugian portfolio berada pada tahap minimum. Di samping itu, anda juga perlu mengkaji dan menstrukturkan semula strategi pelaburan. Seandainya sukar, dapatkan bantuan daripada penasihat pelaburan profesional. Aspek yang paling penting adalah untuk melakukan sesuatu yang dapat membantu anda menentukan apa yang benar-benar ingin dicapai. Hanya dengan cara ini anda dapat mengubah kegagalan kepada kejayaan.

kejayaan, kerana ini akan menjadikan anda lupa objektif pelaburan yang seterusnya membawa kepada kegagalan. Ringkasnya, kenal pasti faktor yang membawa kejayaan tersebut dan gunakan ia bagi mendapatkan semula keuntungan yang pernah diperolehi dulu.

Selagi apa yang anda lakukan dapat memaksimumkan nilai portfolio dan tidak melibatkan pengambilan risiko yang tinggi, maka kejayaan pasti boleh dicipta semula.

Akhirnya, strategi pelaburan yang bersesuaian dengan profil risiko dapat membantu anda untuk bersikap fokus dan berada di landasan yang betul. Buat kajian berkala serta perubahan sekiranya perlu, namun pastikan ia



Membina semula kejayaan

Jika kerugian boleh menjatuhkan semangat anda dalam pelaburan, kadangkala keuntungan juga boleh memberikan impak yang sama, iaitu ia mengaburi pertimbangan sebagai pelabur. Apabila mendapat keuntungan yang tinggi atau mendapat pulangan dalam pelaburan, anda mungkin menjadi terlalu yakin dalam pelaburan dan beranggapan tidak akan melakukan sebarang kesilapan. Ini akan menjadikan anda terlalu agresif dalam portfolio, yang akhirnya bakal mengakibatkan bencana.

Sebaliknya, kejayaan juga boleh menjadikan anda terlalu berhati-hati dan enggan mengambil risiko, kerana mahu kejayaan itu kekal buat selama-lamanya. Walau bagaimanapun, jangan terlalu leka dengan

selaras dengan situasi semasa anda. Walaupun faktor emosi boleh mempengaruhi keputusan pelaburan, ia tidak akan memberikan kesan yang mendalam sekiranya anda mempunyai perancangan dan komited dengan pelan tersebut.

Artikel perancangan kewangan dan pelaburan ini merupakan salah satu usaha berterusan SIDC dalam melahirkan pelabur yang arif dan berpengetahuan dalam pasaran modal. Selain itu, SIDC turut meningkatkan tahap kesedaran mengenai pelaburan bijak dan pengurusan kewangan melalui seminar dan bengkel pendidikan pelabur yang disasarkan untuk pelbagai lapisan masyarakat, seperti pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi, ibu bapa, wanita dan pekerja kolar putih dan biru. Untuk maklumat lanjut, layari www.min.com.my, hubungi 03-62048889 atau lawati Facebook kami di www.facebook.com/BMWSIDC



Soal Lazim Berhubung Skim Kewangan Haram Menggunakan Emas

S: Mengapakah pihak berkuasa membuat serbuan ke atas syarikat-syarikat tersebut?

J: Serbuan dibuat bagi melindungi kepentingan para pelabur daripada melaburkan lebih banyak wang dalam skim yang berisiko, dan juga untuk melindungi kepentingan orang ramai.

Syarikat yang terbabit sedang dalam siasatan kerana disyaki melakukan kesalahan, termasuk mengambil deposit secara haram, mengubah wang haram, mengelakkan cukai, memberikan maklumat palsu termasuk pernyataan yang salah, melantik ejen tanpa lesen dan gagal mengemukakan dokumen berkanun.

S: Mengapakah timbul kebimbangan terhadap model perniagaan syarikat-syarikat tersebut?

J: Kebimbangan ini timbul kerana syarikat-syarikat tersebut dipercayai menjalankan skim yang tidak dapat bertahan lama. Syarikat-syarikat tersebut menjanjikan pelabur pulangan bulanan yang lumayan dan jaminan belian balik emas. Skim tersebut bukan dibiayai oleh jual beli emas yang sebenar, sebaliknya dibiayai dengan menggunakan wang yang baru dilaburkan dalam skim ini.

Jumlah aset dan wang yang ada pada syarikat-syarikat ini biasanya tidak sepadan dengan jumlah yang dikumpulkan daripada para pelabur.

S: Mengapakah pihak berkuasa hanya mengambil tindakan sekarang?

J: Sebarang tindakan penguatkuasaan hanya boleh

diambil setelah didapati terdapat sebab-sebab yang boleh dipercayai bahawa sesuatu kesalahan telah dibuat. Ini bagi mengelakkan sebarang tindakan penguatkuasaan yang terburu-buru atau melulu yang mungkin boleh menjejaskan perniagaan yang sah.

S: Apakah status tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa?

J: Siasatan masih lagi berjalan. Orang ramai akan dimaklumkan oleh pihak berkuasa mengenai status terkini siasatan dari semasa ke semasa. Orang ramai dinasihati supaya merujuk kepada kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh agensi penguat kuasa undang-undang sahaja untuk sebarang maklumat terkini kes-kes ini.

S: Berapa lamakah tempoh siasatan?

J: Tempoh siasatan akan bergantung pada tahap kompleksiti dan keseriusan kes. Tahap kompleksiti telah meningkat disebabkan oleh dimensi antarabangsa kes-kes tersebut. Kerjasama daripada pihak yang terbabit akan membantu proses siasatan. Siasatan ini diberi keutamaan yang tinggi dan semua sumber yang perlu telah digembleng oleh agensi penguat kuasa yang berkenaan untuk mempercepat siasatan.

S: Mengapakah aset dibekukan dan dirampas?

J: Berhubung dengan kes skim kewangan haram yang disyaki, pihak berkuasa boleh menjalankan operasi mencari dan merampas bagi mendapatkan

bukti dan untuk mengelakkan syarikat daripada menyembunyikan atau memusnahkan bahan bukti. Ini juga menghalang aset daripada lesap kerana ia akan memberikan kesan buruk kepada pelabur.

Di bawah seksyen 44 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Akta Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA), agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang diberikan kuasa untuk membekukan apa-apa aset apabila disyaki bahawa suatu kesalahan pengubahan wang haram telah dilakukan.

S: Apakah yang akan terjadi kepada aset dan emas yang dirampas?

J: Aset yang dirampas semasa serbuan dibuat akan didokumenkan dengan teliti dan diambil kira serta disimpan di tempat yang selamat. Sekiranya terdapat prosiding jenayah, aset tersebut hanya boleh diuruskan atas perintah Mahkamah.

S: Bolehkah pelabur yang terbabit menuntut kembali wang atau emas mereka daripada aset yang dirampas?

J: Aset yang dirampas semasa siasatan dijalankan hanya boleh diuruskan atas perintah Mahkamah. Pelabur mungkin boleh memfailkan kepada Mahkamah tuntutan pihak ketiga bagi pemulangan wang atau emas mereka. Maklumat tentang sama ada dan bagaimana untuk memfailkan sesuatu tuntutan akan diberitahu apabila prosiding mahkamah selesai.

S: Apakah nasihat kepada orang ramai yang ingin melabur?

J: Orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa berhati-hati terhadap skim pelaburan yang menjanjikan

pulangan tinggi dengan risiko yang kelihatan rendah, dengan memberikan jaminan bahawa jumlah pokok yang dilaburkan akan dipulangkan. Orang ramai juga dinasihatkan supaya merujuk kepada agensi yang berkenaan apabila berurusan dengan syarikat atau individu yang menawarkan peluang perniagaan atau perkhidmatan kewangan yang kelihatan menarik tetapi tidak diberikan lesen oleh pihak berkuasa.

Sebagai panduan, orang ramai digalakkan mengambil perhatian terhadap perkara berikut apabila menilai sesuatu skim pelaburan:

- Ingatlah – sekiranya skim tersebut adalah **indah khabar dari rupa**, berkemungkinan besar skim tersebut adalah skim palsu;
- Berwaspada dengan skim Ponzi. Ia merupakan skim pelaburan yang berunsur penipuan apabila pengendalinya mengambil wang daripada pelabur baharu untuk membayar kepada pelabur awal atau sedia ada. Akhirnya, akan sampai satu peringkat apabila jumlah pelabur baharu tidak mencukupi untuk menyokong skim ini, dan seterusnya keseluruhan skim mengalami kegagalan;
- Berurusan hanya dengan institusi kewangan berlesen dan peniaga yang sah;
- Rujuk kepada pihak berkuasa yang berkenaan sebelum melabur/mendeposit wang;
- Jangan terpengaruh atau terburu-buru untuk melabur;
- Hendaklah lebih berhati-hati dengan pelaburan melalui Internet;
- Berwaspada dengan apa-apa peluang pelaburan yang tidak bertulis;
- Jika pelaburan telah dibuat, simpan salinan semua dokumen pelaburan; dan
- Rujuk laman sesawang amaran penipuan kewangan berikut:

<http://www.bnm.gov.my/microsites/fraudalert/index.htm>

<http://www.sc.com.my/sub.asp?pageid=&menuid=233&newsid=&linkid=&type=>

Sekiranya anda mengetahui skim pelaburan yang berunsurkan penipuan, anda digalakkan untuk membuat laporan polis.



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengeluaran KWSP Untuk Membina Rumah



Tujuan

- Pengeluaran ini membolehkan ahli mengeluarkan simpanan Akaun 2 untuk membiayai pembinaan sebuah rumah secara individu; atau Pembinaan secara bersama dengan suami/isteri.
- Pengeluaran untuk membina rumah kedua dibenarkan setelah rumah pertama dijual atau berlaku pelupusan pemilikan. Pelupusan pemilikan bermaksud “hilang pemilikan ke atas rumah pertama yang dimiliki melalui pengeluaran KWSP sebelum ini” atas sebab rumah tersebut dilelong, penyerahan harta melalui perintah mahkamah, pindah milik dasar kasih sayang, rumah musnah akibat bencana alam atau kebakaran, projek rumah terbengkalai atau pembatalan pembelian rumah.

Kelayakan memohon

- i) Warganegara Malaysia; ATAU
 - ii) Warganegara Malaysia yang telah membuat pengeluaran di bawah Pengeluaran Meninggalkan Negara sebelum 1 Ogos 1995 atau kemudian memilih untuk mencarum semula dengan KWSP; ATAU
 - iii) Bukan warganegara Malaysia yang:
 - menjadi ahli sebelum 1 Ogos 1998; ATAU
 - mendapat taraf Penduduk Tetap (PR)
- Ahli belum mencapai umur 55 tahun pada tarikh permohonan diterima oleh KWSP; DAN
 - Ahli mempunyai simpanan sekurang-kurangnya RM500 di dalam Akaun 2.

Syarat Pengeluaran

1. Ahli membina sebuah rumah kediaman/rumah kampung di atas tanah milik sendiri atau milik suami/isteri;ATAU

Suami/isteri ahli membina sebuah rumah/rumah kampung di atas tanah milik ahli; ATAU

Ahli membina rumah panjang (bagi Sabah dan Sarawak);ATAU

Ahli membina sebuah rumah di atas tanah FELDA atau tanah milik agensi kerajaan lain yang diiktiraf dengan syarat mendapat pengesahan daripada agensi tersebut untuk menentukan status pemilikan tanah.

2. Pembiayaan pembinaan rumah melalui :-

- i) Pinjaman perumahan daripada mana-mana institusi seperti berikut:-

- Institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (BAFIA).
- Kerajaan Pusat/Negeri atau agensi-agensi kewangan kerajaan yang lain.
- Majikan ahli
- Koperasi/syarikat kerjasama yang berlesen (diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia)
- Syarikat Insurans berlesen yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

- Pemberi pinjaman yang dibenarkan oleh KWSP; ATAU

- ii) Secara tunai

3. Ahli telah menandatangani Surat Perjanjian Membina Rumah tidak melebihi **tiga (3) tahun** dari tarikh permohonan diterima.

4. Ahli tidak pernah membuat Pengeluaran Perumahan; ATAU Ahli telah membuat pengeluaran untuk membina rumah pertama dan telah menjualnya atau berlaku pelupusan pemilikan dan kemudian membina rumah kedua. Bukti penjualan/pelupusan pemilikan rumah pertama perlu dikemukakan.

5. Kos membina rumah adalah amaun yang dinyatakan di dalam Surat Perjanjian Membina Rumah. Kos membeli tanah juga boleh diambil kira dengan syarat tarikh Perjanjian Jual Beli Tanah adalah dalam tempoh **dua (2) tahun** dari tarikh Perjanjian Membina Rumah.

6. Ahli tidak layak memohon sekiranya:-

- Membeli tanah atau lot tapak rumah sahaja.
- Mengubah suai, membaiki/membuat kerja-kerja tambahan kepada rumah yang sedia ada.
- Mengambil pinjaman berbentuk Overdraif.
- Membina rumah ketiga.
- Membina rumah di luar negara.
- Membina rumah bersama-sama individu lain yang tiada pertalian suami-isteri.



Amaun Yang Layak Dikeluarkan

Ahli boleh mengeluarkan simpanan seperti berikut:-

- **PEMBINAAN RUMAH MILIK INDIVIDU**

Amaun perbezaan di antara kos membina rumah dengan jumlah pinjaman dan kos tambahan 10% daripada kos bina rumah

ATAU

Semua simpanan dalam Akaun 2.

(Mengikut mana yang lebih rendah tidak kurang RM500.00)

- **PEMBINAAN BERSAMA SUAMI/ISTERI**

Amaun perbezaan di antara kos membina rumah dengan jumlah pinjaman tambahan 10% daripada kos bina rumah

ATAU

Semua simpanan dalam Akaun 2 masing-masing tertakluk kepada amaun maksimum yang layak dikeluarkan.

(Mengikut mana yang lebih rendah tidak kurang RM500.00)

- **PINJAMAN PERUMAHAN 100%**

10% daripada kos bina rumah

ATAU

Semua simpanan dalam Akaun 2

(Mengikut mana yang lebih rendah tidak kurang RM500.00)

- **PEMBINAAN RUMAH SECARA TUNAI**

Kos bina rumah dengan tambahan 10% daripada kos bina rumah.

ATAU

Semua simpanan dalam Akaun 2

(Mengikut mana yang lebih rendah tidak kurang RM500.00)

- Ahli boleh memilih untuk menentukan amaun yang ingin dikeluarkan daripada Akaun 2, tertakluk kepada amaun maksimum yang layak dikeluarkan dengan mengisi amaun yang dipohon dalam borang pengeluaran perumahan KWSP 9C (AHL)(D5).
- Ahli pernah membuat pengeluaran perumahan tetapi telah membatalkan pembelian/pembinaan rumah tersebut. Dalam keadaan ini, wang pengeluaran tidak perlu dikembalikan. Amaun



kelayakan semasa akan ditolak daripada amaun pengeluaran terdahulu tertakluk kepada baki kelayakan (sekiranya ada).

Makluman Kepada Pemohon

- **Kegagalan Mengembalikan Amaun Yang Tidak Digunakan Bagi Maksud Pengeluaran.** Sekiranya pemohon tidak menggunakan bayaran pengeluaran bagi maksud pengeluaran dibuat, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan, dan jika disabitkan, boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi RM2,000 atau kedua-duanya. (Seksyen 58A, Akta KWSP 1991 (Pindaan) 2007).
- **Membuat Kenyataan Yang Tidak Betul Atau Tidak Benar Atau Mengemukakan Dokumen Palsu.** Sekiranya pemohon memberi kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan, dan sekiranya disabitkan, pemohon boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya. (Seksyen 59, Akta KWSP 1991 (Pindaan) 2007).

Untuk maklumat lanjut mengenai Pengeluaran Membina Rumah, sila hubungi Pusat Panggilan KWSP di talian 03-8922 6000 atau layari laman sesawang MyEPF di www.kwsp.gov.my.

Sumber : Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Pengenalan Perbankan Ejen



Dalam usaha mencapai sektor kewangan yang lebih inklusif, Bank Negara Malaysia telah melancarkan rangka kerja perbankan ejen. Sebagai satu saranan dalam Pelan Sektor Kewangan, inisiatif ini membolehkan institusi kewangan meluaskan perkhidmatan mereka kepada golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan (*underserved*), khususnya di kawasan luar bandar dengan cara yang lebih berkesan dari segi kos melalui penggunaan saluran runcit bukan bank.

Ejen bank berdaftar akan menyediakan perkhidmatan perbankan asas iaitu menerima deposit dan memudahkan pengeluaran. Perkhidmatan perbankan asas lain yang boleh disediakan oleh ejen bank ialah pemindahan dana, pembayaran bil dan pembayaran balik pembiayaan. Semua transaksi yang dijalankan ialah secara masa nyata bagi melindungi kepentingan orang ramai.

Pada akhir bulan Julai, semasa operasi 'percubaan' perbankan ejen, lebih daripada satu juta transaksi bernilai lebih daripada RM190 juta telah dijalankan melalui 2,322 ejen bank yang mewakili tiga buah institusi kewangan yang mengambil bahagian.

Bagi memastikan perbankan ejen dijalankan secara selamat dan diyakini, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan Garis Panduan Perbankan Ejen kepada institusi kewangan. Garis Panduan ini menggariskan keperluan yang harus dipatuhi oleh institusi kewangan dalam bidang tadbir urus dan pengawasan, pengurusan ejen bank serta perlindungan, kesedaran dan pendidikan pengguna.



Semua ejen bank berdaftar akan mempamerkan logo kebangsaan perbankan ejen bersama-sama dengan logo institusi kewangan masing-masing. Ini akan memudahkan orang ramai mengenal pasti ejen bank yang sah dan perkhidmatan perbankan asas yang disediakan.

Untuk maklumat lanjut mengenai perbankan ejen, orang ramai boleh menghubungi talian penting institusi kewangan yang mengambil bahagian atau Bank Negara Malaysia di 1-300-88-5465.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Setiap hari - **41** orang pekerja muda **diisytiharkan muflis**.
 50% daripada mereka yang mendapatkan **khidmat nasihat kewangan dan kaunseling** adalah di bawah umur 40 tahun.
47% daripada pekerja muda **terlebih hutang**.
 Kira-kira **enam juta** isi rumah di Malaysia berhutang **RM653 bilion**.
72% pengguna tidak mempunyai **pelan persaraan**.

Oktober 2012

Bulan KEWANGAN BERHEMAT



TANGGUNGJAWAB KEWANGAN BERMULA DENGAN SAYA

*Tibalah masa untuk berfikir!
Tibalah masa untuk bertindak!*



Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional



Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia



Persatuan Pendidikan & Penyelidikan untuk Pengguna, Malaysia



Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna

Bank Negara Malaysia

Talian Tol : 1-300-88-5465
 E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
 Laman sesawang : www.bnm.gov.my

Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM Connect)

Talian Tol : 1-300-88-9980
 E-mel : banks@abm.org.my
 Laman sesawang : www.abm.org.my

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Talian Tol : 1-800-88-2575
 E-mel : enquiry@akpk.org.my
 Laman sesawang : www.akpk.org.my

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)

Talian am : 03-2272 2811
 E-mel : enquiry@fmb.org.my
 Laman sesawang : www.fmb.org.my

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada ringgit@crcc.org.my